

BERITA HARIAN

DATE: 30/12/2009

'Tak perlu suruhanjaya diraja siasat dakwaan penulis Barat'

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan tidak perlu menubuhkan suruhanjaya diraja bagi menyasiat dakwaan seorang penulis Barat kononnya bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, membazirkan wang kerajaan berjumlah RM100 bilion seperti dicadangkan Penasihat DAP, Lim Kit Siang.

"Semua benda dia nak suruhanjaya diraja. Tak perlu nak wujudkan suruhanjaya

diraja semata-mata ada orang menulis buku kerana apa yang penting ialah untuk kita memandang masa depan.

"Setiap Perdana Menteri mempunyai sumbangan tersendiri terhadap negara dan tanpa mereka, kita tidak akan berada dalam kedudukan sekarang manakala Malaysia tidak mungkin menjadi negara berjaya yang menjadi contoh banyak negara.

"Nasihat saya, eloklah kita

pandang ke depan dan bekerjasama untuk masa depan Malaysia yang lebih gemilang," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan mempunyai masa untuk menilai dan mengenal pasti implikasi cukai barangan perkhidmatan (GST) jika dilaksanakan pada 2011.

Perdana Menteri berkata, kerajaan secara dasarnya bersetuju pelaksanaan GST dilakukan secara berhemah dan tidak mendatangkan kesan besar dari segi harga.

^{BH - 30/12/09}
"Kita perlu mengkaji kesan GST terhadap setiap subsektor secara terperinci dan kita ada banyak masa lagi. Jika kerajaan memutuskan untuk melaksanakannya, GST berkuat kuasa mulai 2011. Setakat ini, rang undang-undang yang dibentangkan di Parlimen pada peringkat bacaan kali pertama," katanya.

Mengulas cadangan supaya bas ekspres hanya beroperasi pada waktu siang bagi mengelak kemalangan seper-

ti di Perak yang mengorbankan 10 nyawa baru-baru ini, Najib berkata, langkah itu bukan cara terbaik.

"Kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana saja, tidak kira siang atau malam. Penyelesaian terhadap isu ini ialah memastikan pemandunya cekap, berdisiplin, tidak memandu laju dan mempunyai rehat mencukupi sebelum bertugas," katanya.

Sementara itu, di **KUCHING**, Najib berkata, anak

kelahiran Sarawak akan mengisi kekosongan jawatan Timbalan Menteri Pelancongan dilepaskan Datuk Seri Sulaiman Abdul Rahman Taib.

Beliau berkata, pengganti Sulaiman akan diumumkan sedikit masa lagi.

"(Nama) lebih kurang (tahu) tapi tidak boleh umumkan lagi," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Parti Demokratik Progressif Sarawak (SPDP) di Dewan Suarrah Kuching, di sini, semalam.